



SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 07/05

SEMINAR KESELAMATAN ANTARABANGSA USUL PELUANG DAN CABARAN DALAM MEMPERTINGKAT KESELAMATAN NEGARA MELALUI TATAKELOLA YANG CEKAP SERTA RAKAN STRATEGIK YANG DIPERCAYAI

1. Kuala Lumpur, 7 Mei 2024 – Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyampaikan ucptama di **Security International Seminar** yang berlangsung di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur bersempena DSA & NATSEC Asia 2024. Seminar tersebut melibatkan jemputan pertahanan dari wakil-wakil kedutaan, Panglima-panglima Perkhidmatan ATM, Panglima Angkatan Tentera Negara Brunei, Defence Attaché serta penuntut Maktab Ketahanan Nasional, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera serta penuntut Maktab Turus Angkatan Tentera. Seminar ini menyentuh **strategi Malaysia untuk memperkuatkukuhkan infrastruktur keselamatan negara dan kerjasama antarabangsa.**
2. Seminar strategik ini menampilkan topik “**Enhancing National Security through Good Governance and Credible Partnership: Opportunities and Challenges.**” Ini merupakan kerjasama antara **Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Perkhidmatan Pertahanan Asia 2024.** Program ini bertujuan menyatukan para pemimpin global dan pakar dalam mentadbir urus pertahanan dan keselamatan negara.
3. Antara perbincangan yang diketengahkan semasa program berlangsung adalah **kaedah menangani dinamik landskap keselamatan negara dan global** serta memberi penekanan terhadap **peranan penting tadbir urus yang baik serta perkongsian antarabangsa dalam memperkuatkukuhkan daya tahan dan kestabilan negara.** Seminar ini juga **merintis usaha semua peringkat kerajaan, sektor swasta dan masyarakat dalam mengurus dan mengurangkan kesan bencana alam** seperti banjir yang lazimnya berlaku di Malaysia.
4. Dalam landskap keselamatan global yang semakin berkembang, **merapatkan tadbir urus yang baik dengan perkongsian yang boleh dipercayai merupakan strategi yang kritikal.** Peralihan daripada pandangan keselamatan yang berpaksikan kenegaraan kepada pendekatan berorientasikan rakyat menggambarkan cabaran hari ini, di mana faktor dalaman dan luaran secara berterusan membentuk semula ancaman kepada kedaulatan, kepentingan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Adalah penting untuk memberi kesedaran bahawa tiada negara boleh mencapai objektif keselamatannya secara bersendirian.

6. Seminar ini turut **menitikberatkan hubungan kritikal antara tadbir urus, keselamatan dan perkongsian, serta menjelaskan bagaimana elemen ini secara kolektif menyumbang kepada persekitaran global yang lebih selamat dan stabil.** Antara matlamat utama termasuklah memupuk pemahaman yang komprehensif serta mengenal pasti strategi yang boleh dilaksanakan yang akan mengukuhkan hubungan antara tadbir urus yang baik, perkongsian yang boleh dipercayai dan keselamatan negara, yang akan menetapkan asas untuk keamanan dan pembangunan yang berkekalan.

7. Pembentang utama seminar ini adalah **Yang Berhormat Lord Timothy Minto, Menteri Pertahanan United Kingdom** di samping pembentangan dari Malaysia iaitu Profesor Ruhanas Harun dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Profesor Dr Hideshi Tokuchi, Presiden Research Institute for Peace and Security (RIPS), Jepun. Moderator bagi seminar ini ialah Profesor Dr. Adam Leong Kok Wey, Pengarah Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (CDISS), UPNM.

- TAMAT -